

## **ISLAM DALAM PEMBENTUKAN PANDANGAN SEMESTA MASYARAKAT MELAYU**

Oleh : Solahuddin bin Abdul Hamid  
Pusat Pengajian Umum Kolej Sastera dan Sains Universiti Utara Malaysia

### **Abstrak**

Pembentukan sesebuah pandangan semesta biasanya dipengaruhi oleh agama atau budaya yang dianut oleh sesebuah masyarakat. Dalam erti kata lain, apabila seseorang itu bertukar agama, maka perubahan paling mendasar yang dialaminya ialah perubahan pandangan semesta. Justeru, elemen asas ini perlu dipelajari jika ingin memahami tingkah laku sesebuah masyarakat kerana pemahaman ini sangat berpengaruh dalam membentuk personaliti dan tingkah laku mereka. Pembentukan pandangan semesta masyarakat Melayu telah melalui beberapa fasa hasil interaksi mereka dengan pengaruh animism, Hindu-Buddha dan Islam. Meskipun kedatangan Islam berjaya mengasimilasikan ajarannya dengan budaya Melayu, namun nilai-nilai tradisi dan moden turut mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan mereka.

Kata kunci : Islam, pandangan semesta, Melayu.